



## PERBARISAN SUKOL

### 1.0 PERATURAN PERBARISAN.

- 1.1 Peserta perbarisan mestilah maksimum 50 orang daripada kolej masing - masing.

### 2.0 SISTEM PEMARKAHAN PERTANDINGAN.

- 2.1 Pertandingan ini diberi markah berdasarkan 5 kriteria seperti berikut:

- 2.1.1 Maskot & 'placard' (10 markah)  
Bergantung kepada kreativiti setiap kontinjen perbarisan dan maskot perlulah mempunyai ciri-ciri kolej masing-masing.
- 2.1.2 Kesamaan Perjalanan (20 markah)  
Keseragaman semasa berjalan dalam kontinjen, jelas dalam memberi arahan (order) dan memberi hormat kepada tetamu jemputan (VIP).
- 2.1.3 Kreativiti / Persembahan (30 markah)  
Setiap kontinjen perlu kreatif dan inovatif dalam usaha menceriaikan kontinjen kolej masing-masing. Kontinjen dibenarkan membawa peralatan yang boleh menarik minat penonton tetapi perlu mempunyai ciri-ciri kolej masing-masing. Bahan api tidak dibenarkan. Semua persembahan dalam lingkungan masa dua (2) hingga tiga (3) minit. Kontinjen yang melebihi masa yang ditetapkan, markah akan dipotong.
- 2.1.4 Keseragaman (20 markah)  
Keseragaman dari segi pakaian yang kemas serta memakai kasut yang bersesuaian. Pakaian yang mempunyai unsur-unsur lucah dan negatif tidak dibenarkan.
- 2.1.5 Disiplin (20 markah)  
Kontinjen mesti berada di dalam kumpulan dalam keadaan berbaris sehingga pengumuman keputusan diumumkan.

### 3.0 KELEWATAN

- 3.1 Semua kontinjen perbarisan mesti memastikan semua ahli kontinjen berada di kawasan berkumpul 30 minit sebelum masa perbarisan dimulakan.

### 4.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan di atas akan diputuskan oleh jawatankuasa pengelola dan keputusan adalah muktamad.